

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

SOALAN NO. 188

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ke manakah perginya wang dari Tabung Pakatan Harapan yang telah dikutip sejak setahun yang lalu kononnya mahu membayar hutang negara tetapi hutang negara bertambah dari RM686 bilion kepada RM931 bilion sekarang ini serta bagaimanakah wang berkenaan diuruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran medianya bertarikh 7 Februari 2019 telah memaklumkan bahawa baki akhir Tabung Harapan Malaysia (THM) sehingga 14 Januari 2019, iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan, adalah berjumlah RM202,716,775. Selanjutnya, faedah pelaburan sebanyak RM2,774,444 telah diterima dan ini menjadikan jumlah besar dalam akaun amanah THM adalah sebanyak RM205,491,219.

Kerajaan sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat seluruh rakyat Malaysia yang telah menyumbang ke dalam THM ini.

Pada 28 November 2019, Kerajaan telah menggunakan keseluruhan dana THM dengan pembayaran sebanyak RM61,680,261.87 bagi pelunasan bayaran faedah sukuk 1MDB IMTN (*Islamic Medium Term Note*).

Pembayaran sebanyak RM61.68 juta yang dibiayai oleh dana Tabung Harapan Malaysia adalah hanya sebahagian daripada jumlah pembayaran faedah IMTN yang berjumlah RM143.75 juta.

Untuk pengetahuan umum, semua pembayaran yang dibiayai oleh dana Tabung Harapan Malaysia adalah seperti berikut:

Senarai penggunaan dana Tabung Harapan Malaysia

Bil.	Penggunaan Dana THM	Tarikh Pembayaran	Jumlah (RM)	Jumlah Dana THM Yang Digunakan (RM)	Status

NO SOALAN : 188

1	Melunaskan sebahagian hutang 1MDB - Faedah Bon 1MDB IMTN	30 Mei 2019	143,750,000	143,750,000	Selesai
2	Bayaran balik cek tak laku	16 Jun 2019	51,500	51,500	Selesai
3	Bayaran balik sumbangan terkhilaf	25 Jun 2019	9,457	9,457	Selesai
4	Melunaskan sebahagian hutang 1MDB - Faedah Bon 1MDB IMTN	28 Nov 2019	143,750,000	61,680,262	Selesai
Jumlah dana THM yang telah digunakan				RM 205,491,219	